

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Rabu, 28 Jun 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI MEI 2023

SEMBILAN NEGERI MENCATATKAN LEBIHAN DAGANGAN PADA MEI 2023

PUTRAJAYA, 28 Jun 2023 – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM223.8 bilion pada Mei 2023 dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM119.6 bilion dan RM104.2 bilion. Lebihan dagangan Malaysia meningkat 21.4 peratus tahun ke tahun kepada RM15.4 bilion pada Mei 2023. Sembilan negeri mencatatkan lebihan dagangan iaitu Pulau Pinang, Sarawak, Johor, Sabah, W.P. Labuan, Kelantan, Kedah, Pahang dan Terengganu seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI MEI 2023**.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), eksport bernilai RM119.6 bilion pada Mei 2023, menurun sebanyak RM884.4 juta (-0.7%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (-RM2.4 bilion), Sabah (-RM1.1 bilion), Sarawak (-RM942.2 juta), Pahang (-RM742.7 juta), W.P. Labuan (-RM594.2 juta), Terengganu (-RM394.3 juta), Perak (-RM156.3 juta) dan Johor (-RM71.0 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport meningkat di Selangor sebanyak RM2.0 bilion, W.P. Kuala Lumpur (+RM1.3 bilion), Kedah (+RM1.0 bilion), Negeri Sembilan (+RM423.4 juta), Melaka (+RM324.1 juta), Kelantan (+RM273.0 juta) dan Perlis (+RM3.5 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksporth utama dengan sumbangan 29.0 peratus, diikuti oleh Johor (21.1%), Selangor (18.5%), Sarawak (8.1%) dan W.P. Kuala Lumpur (5.8%).

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Jabatan Perangkaan Malaysia memaklumkan import pada bulan Mei 2023 juga menurun RM3.6 bilion (-3.3%) berbanding bulan yang sama pada 2022. Penurunan import disebabkan oleh import yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (-RM7.9 bilion), Kedah (-RM1.2 bilion), W.P. Kuala Lumpur (-RM1.2 bilion), Perak (-RM325.3 juta), W.P. Labuan (-RM190.1 juta) dan Pahang (-RM21.2 juta). Walau bagaimanapun, sembilan negeri mencatatkan peningkatan import iaitu Selangor (+RM3.3 billion), Johor (+RM1.4 bilion), Melaka (+RM1.2 bilion), Sarawak (+RM733.3 juta), Terengganu (+RM290.5 juta), Negeri Sembilan (+RM143.2 juta), Sabah (+RM119.7 juta), Perlis (+RM37.9 juta) dan Kelantan (+RM7.9 juta).

Selangor terus mendominasi import Malaysia dengan 28.1 peratus, diikuti oleh Johor (22.2%), Pulau Pinang (19.7%), W.P. Kuala Lumpur (6.7%) dan Kedah (4.8%).


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.

DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahunan dikeluarkan.


Carta 1: Data Siri Masa Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor, Mei 2022 – Mei 2023 (RM Bilion)



Jadual 1: Eksport, Import dan Imbangan Dagangan, Mei 2022 dan Mei 2023 (RM Bilion)

Negeri	Eksport		Import		Imbangan Dagangan	
	Mei 2022	Mei 2023	Mei 2022	Mei 2023	Mei 2022	Mei 2023
Johor	25.4	25.3	21.7	23.1	3.6	2.1
Kedah	4.3	5.4	6.2	5.0	-1.9	0.4
Kelantan	0.3	0.6	0.2	0.2	0.1	0.4
Melaka	2.2	2.6	2.6	3.8	-0.4	-1.3
Negeri Sembilan	1.7	2.2	3.6	3.7	-1.8	-1.6
Pahang	3.1	2.3	2.1	2.0	1.0	0.3
Perak	2.8	2.6	3.2	2.9	-0.5	-0.3
Perlis	0.1	0.1	0.1	0.1	0.0	-0.0
Pulau Pinang	37.1	34.7	28.4	20.5	8.7	14.1
Sabah	3.5	2.5	0.8	1.0	2.7	1.5
Sarawak	10.6	9.6	2.6	3.4	8.0	6.3
Selangor	20.1	22.2	25.9	29.3	-5.8	-7.1
Terengganu	1.6	1.2	0.7	1.0	0.9	0.3
W.P. Kuala Lumpur	5.7	6.9	8.2	7.0	-2.5	-0.1
W.P. Labuan	1.6	1.0	0.3	0.1	1.2	0.8
Malaysia	120.5	119.6	107.8	104.2	12.7	15.4

Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Mei 2023



Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 JUN 2023

Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hours, Wednesday, 28 June 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

PRESS STATEMENT

FOR EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE MAY 2023

NINE STATES REGISTERED A TRADE SURPLUS IN MAY 2023

PUTRAJAYA, 28 June 2023 – Malaysia's total trade for May 2023 amounted to RM223.8 billion with exports and imports recorded RM119.6 billion and RM104.2 billion, respectively. Malaysia's trade surplus rose 21.4 per cent year on year (y-o-y) to RM15.4 billion in May 2023. Nine states that registered trade surplus were Pulau Pinang, Sarawak, Johor, Sabah, W.P. Labuan, Kelantan, Kedah, Pahang and Terengganu as reported today in **EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE MAY 2023**.

According to the Department of Statistics Malaysia (DOSM), exports was valued at RM119.6 billion in May 2023, decreased RM884.4 million (-0.7%) as compared to the same month of the previous year. The decrease in exports was attributed to the lower exports in most states such as Pulau Pinang (-RM2.4 billion), Sabah (-RM1.1 billion), Sarawak (-RM942.2 million), Pahang (-RM742.7 million), W.P. Labuan (-RM594.2 million), Terengganu (-RM394.3 million), Perak (-RM156.3 million) and Johor (-RM71.0 million). However, exports increased in Selangor by RM2.0 billion, W.P. Kuala Lumpur (+RM1.3 billion), Kedah (+RM1.0 billion), Negeri Sembilan (+RM423.4 million), Melaka (+RM324.1 million), Kelantan (+RM273.0 million) and Perlis (+RM3.5 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with 29.0 per cent share, followed by Johor (21.1%), Selangor (18.5%), Sarawak (8.1%) and W.P. Kuala Lumpur (5.8%).

Looking at the performance of imports by state, imports also decreased RM3.6 billion (-3.3%) in May 2023 as compared to the same month in 2022. The decrease in imports was contributed by the lower imports in most states such as Pulau Pinang (-RM7.9 billion), Kedah (-RM1.2 billion), W.P. Kuala Lumpur (-RM1.2 billion), Perak (-RM325.3 million), W.P. Labuan (-RM190.1 million) and Pahang (-RM21.2 million). On the other hand, nine states recorded an increase in imports were Selangor (+RM3.3 billion), Johor (+RM1.4 billion), Melaka (+RM1.2 billion), Sarawak (+RM733.3 million), Terengganu (+RM290.5 million), Negeri Sembilan (+RM143.2 million), Sabah (+RM119.7 million), Perlis (+RM37.9 million) and Kelantan (+RM7.9 million).

Selangor continued to dominate Malaysia's imports with a share of 28.1 per cent, followed by Johor (22.2%), Pulau Pinang (19.7%), W.P. Kuala Lumpur (6.7%) and Kedah (4.8%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".

DOSM will release the Advance GDP Estimates beginning in the second quarter of 2023. These advance estimates are an initiative by DOSM to provide an overview of the economic performance four (4) weeks prior to the release of Quarterly.

Chart 1: Time Series Data on Exports and Imports in Johor, Pulau Pinang and Selangor, May 2022 – May 2023 (RM Billion)




Table 1: Exports, Imports and Trade Balance, May 2022 and May 2023 (RM Billion)

State	Exports		Imports		Trade Balance	
	May 2022	May 2023	May 2022	May 2023	May 2022	May 2023
Johor	25.4	25.3	21.7	23.1	3.6	2.1
Kedah	4.3	5.4	6.2	5.0	-1.9	0.4
Kelantan	0.3	0.6	0.2	0.2	0.1	0.4
Melaka	2.2	2.6	2.6	3.8	-0.4	-1.3
Negeri Sembilan	1.7	2.2	3.6	3.7	-1.8	-1.6
Pahang	3.1	2.3	2.1	2.0	1.0	0.3
Perak	2.8	2.6	3.2	2.9	-0.5	-0.3
Perlis	0.1	0.1	0.1	0.1	0.0	-0.0
Pulau Pinang	37.1	34.7	28.4	20.5	8.7	14.1
Sabah	3.5	2.5	0.8	1.0	2.7	1.5
Sarawak	10.6	9.6	2.6	3.4	8.0	6.3
Selangor	20.1	22.2	25.9	29.3	-5.8	-7.1
Terengganu	1.6	1.2	0.7	1.0	0.9	0.3
W.P. Kuala Lumpur	5.7	6.9	8.2	7.0	-2.5	-0.1
W.P. Labuan	1.6	1.0	0.3	0.1	1.2	0.8
Malaysia	120.5	119.6	107.8	104.2	12.7	15.4

Exhibit 1: Infographic on Export Import Statistics by State, May 2023



Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
28 JUNE 2023